

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JTW107 - Mikroekonomi /
JTW 109 - Ekonomi Untuk Pengurusan I**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA BELAS (15)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Soalan ini terbahagi kepada 3 bahagian.

Bahagian A jawab **SEMUA** soalan di atas **borang OMR**. Bahagian B soalan **WAJIB** dan **Bahagian C** jawab **DUA (2)** soalan sahaja. **Bahagian B** dan **Bahagian C** jawab di atas **buku jawapan** yang disediakan.

Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll].
Gunakan hanya pensel 2B bagi borang OMR anda.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Markah bagi setiap bahagian adalah seperti yang tercatat.

BAHAGIAN A [40 markah]

1. Jika kenaikan pendapatan pengguna menyebabkan pengguna mengurangkan permintaan kuantiti sesuatu barang, maka barang tersebut adalah _____.
 - A. barang mewah
 - B. barang normal
 - C. barang pelengkap
 - D. barang bawahan

2. Apakah yang menyebabkan perubahan dan anjakan garisan belanjawan pengguna?
 - A. Perubahan pendapatan dan harga barang.
 - B. Perubahan pendapatan dan utiliti pengguna.
 - C. Perubahan harga barang dan utiliti pengguna.
 - D. Perubahan pendapatan dan keluk puas sama.

3. Firma pasaran persaingan sempurna mempunyai ciri-ciri berikut **KECUALI** _____.
 - A. ramai penjual dan pembeli dalam pasaran
 - B. input pengeluaran boleh dipindahkan dengan mudah
 - C. keluaran barangan adalah sama
 - D. firma dalam pasaran boleh mempengaruhi tingkat harga keluaran

4. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara kuantiti buruh dengan jumlah keluaran sebuah firma.


Kuantiti buruh (unit)	Jumlah keluaran (unit)
1	8
2	20
3	33
4	42
5	50

Berapakah keluaran sut apabila keluaran purata mencapai maksimum?

- A. 10 unit
- B. 11 unit
- C. 12 unit
- D. 13 unit

5. Apakah yang harus dilakukan oleh firma monopoli jika keluk permintaannya adalah anjal?
- A. Menjual lebih banyak output dan menurunkan harga untuk meningkatkan hasil.
 - B. Menjual lebih banyak output dan meningkatkan harga untuk meningkatkan hasil.
 - C. Mengurangkan output tetapi meningkatkan harga untuk meningkatkan hasil.
 - D. Mengeluarkan output pada tingkat yang sama tetapi meningkatkan harga untuk meningkatkan hasil.
6. Apakah contoh diskriminasi harga darjah kedua?
- A. Harga barang di Semenanjung Malaysia berbeza dengan Sabah dan Sarawak.
 - B. Yuran pengajian berbeza mengikut pendapatan ibu bapa.
 - C. Tambang kapal terbang bagi kelas ekonomi berbeza dengan kelas perniagaan.
 - D. Tarif elektrik berbeza bagi pengguna isi-rumah dan industri.
7. Keanjalan permintaan harga mengukur _____.
- A. peratusan perubahan kuantiti diminta kesan daripada perubahan harga barang lain
 - B. peratusan perubahan kuantiti diminta kesan daripada perubahan harga barang itu sendiri
 - C. peratusan perubahan kuantiti diminta kesan daripada perubahan pendapatan pengguna
 - D. peratusan perubahan kuantiti diminta kesan daripada perubahan cita rasa pengguna terhadap barang tersebut
8. Pernyataan berikut adalah benar tentang firma monopoli **KECUALI**_____.
- A. firma monopoli merupakan penentu harga dalam pasaran
 - B. keluk permintaan firma juga merupakan keluk bagi permintaan industri
 - C. jumlah hasil berada pada tahap minimum jika apabila keanjalan permintaan sama dengan satu
 - D. keluaran firma monopoli tidak mempunyai pengganti hampir
9. Persamaan antara firma pasaran persaingan sempurna dengan pasaran monopoli ialah kedua-dua firma_____.
- A. mengeluarkan barang yang sama
 - B. mencapai keseimbangan pada titik minimum kos
 - C. menentukan jumlah pengeluaran dan harga yang sama
 - D. memperolehi untung normal dalam jangka panjang

10. Antara berikut, manakah keluk jumlah hasil bagi firma persaingan sempurna?



11. Sebuah firma dalam pasaran persaingan sempurna mengeluarkan output pada tingkat hasil sut melebihi kos sut. Bagi memaksimumkan keuntungan, firma harus _____.
- A. menurunkan harga dan menambah output
 - B. menaikkan harga dan output serentak
 - C. mengurangkan output sahaja
 - D. menambahkan output sahaja
12. Keluk permintaan monopoli mencerun ke bawah dari kiri ke kanan kerana _____.
- A. permintaan terhadap keluarannya tidak anjal
 - B. monopoli hanya menjual kepada beberapa pembeli
 - C. firma monopoli merupakan firma tunggal dalam pasaran
 - D. pengguna tiada pilihan

13. 'Perubahan dalam jumlah keluaran kesan daripada perubahan satu unit input berubah' Pernyataan ini merujuk kepada _____.
- A. jumlah keluaran
 - B. keluaran purata
 - C. keluaran marginal
 - D. keluaran hasil purata
14. Dalam ekonomi, jangka masa pendek merujuk kepada tempoh masa yang mencukupi untuk _____.
- A. pengeluar mengubahsuai penggunaan modal tetap mereka
 - B. pengeluar mengubahsuai output dengan menggunakan tenaga buruh dan bahan mentah
 - C. penggubal dasar menyelaraskan semua perubahan yang berlaku dalam pasaran
 - D. pengeluar mengubahsuai tingkat pengeluaran berdasarkan perubahan kemajuan teknologi
15. Fungsi kos firma ialah $C = 120 + 50Q + Q^2$. Berapakah kos purata pada tingkat output 25 unit?
- A. RM79.80
 - B. RM82.00
 - C. RM84.80
 - D. RM90.40
16. Dalam ekonomi, kos tetap dapat dijelaskan sebagai _____.
- i. kos yang wujud dalam jangka masa pendek
 - ii. kos yang perlu dibiayai oleh firma walaupun outputnya adalah sifar
 - iii. kos yang berubah pada tingkat output tertentu
 - iv. pembayaran terhadap penggunaan input/faktor-faktor tetap
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv

17. Keluk _____ menunjukkan satu tingkat pengeluaran yang boleh dihasilkan oleh pelbagai kombinasi input.
- A. isokuan koefisien tetap
 - B. isokuan linear
 - C. isokos
 - D. isokuan
18. Kenaikan 20% cukai import terhadap perabot import telah menyebabkan permintaan terhadap perabot tempatan meningkat daripada 100,000 unit kepada 140,000 unit. Keanjalan silang antara perabot import dengan perabot tempatan ialah_____.
- A. 2.0
 - B. - 2.0
 - C. - 0.5
 - D. 0.5
19. Jadual di bawah menunjukkan hubungan jumlah hasil dan bilangan buruh yang digunakan.

Bilangan buruh (unit)	Jumlah hasil (RM)
3	35
4	60
5	90
6	116
7	136
8	152

Jika kos sut buruh firma adalah RM20, berapakah unit buruh yang akan digunakan firma untuk memaksimumkan keuntungan?

- A. 4 unit
- B. 5 unit
- C. 6 unit
- D. 7 unit

Soalan 20 dan 21 berdasarkan jadual berikut;

Output (unit)	Jumlah kos (RM)	Kos tetap purata (RM)	Kos purata (RM)
X	480	5	16
Y	600	Z	12


20. Berapakah unit output X?

- A. 10 unit
- B. 20 unit
- C. 30 unit
- D. 40 unit

21. Berapakah unit output yang diwakili oleh Y dan kos tetap puratanya iaitu Z?

	Y (unit)	Z (RM)
A.	40	2
B.	40	3
C.	50	3
D.	50	4

22. Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk hasil sut (MR), keluk kos sut (MC) dan keluk kos purata (AC) bagi sebuah firma pasaran persaingan sempurna.



Berapakah jumlah keuntungan firma ini?

- A. RM60.00
- B. RM100.00
- C. RM105.00
- D. RM140.00


23. Penawaran tidak anjal sempurna bermaksud _____.
- A. Peratusan perubahan kuantiti ditawarkan adalah sifar walaupun harga barang berubah
 - B. Peratusan perubahan kuantiti ditawarkan sama dengan peratusan perubahan harga barang
 - C. Peratusan perubahan kuantiti ditawarkan kurang daripada peratusan perubahan harga barang
 - D. Peratusan perubahan kuantiti ditawarkan kurang daripada 1%
24. Kemajuan teknologi merupakan faktor penting yang akan mempengaruhi faktor-faktor pengeluaran. Dalam ekonomi, kemajuan teknologi terdiri daripada _____.
- i. kemajuan teknologi yang boleh mempengaruhi daya pengeluaran buruh
 - ii. kemajuan teknologi yang boleh mempengaruhi daya pengeluaran modal
 - iii. kemajuan teknologi yang boleh mempengaruhi daya pengeluaran modal dan buruh
 - iv. kemajuan teknologi yang boleh mempengaruhi daya pengeluaran usahawan
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv

Soalan 25 dan 26 berdasarkan jadual jumlah kos sebuah firma bagi tahap pengeluaran output yang berlainan.


Output	Jumlah kos (RM)
0	13
1	20
2	25
3	28
4	32
5	43
6	60

25. Kos marginal untuk mengeluarkan unit output yang ke-4 adalah RM _____.
- A. 4
 - B. 11
 - C. 19
 - D. 32

26. Jumlah kos berubah untuk mengeluarkan 5 unit output adalah _____.
- A. 6
 - B. 11
 - C. 30
 - D. 43
27. Perbelanjaan tunai sebenar yang dibayar oleh firma untuk membeli input-input pengeluaran dipanggil _____.
- A. kos ketara
 - B. kos tersirat
 - C. kos melepas
 - D. kos ekonomi
28. Persamaan yang menunjukkan kuantiti output maksimum yang dapat dikeluarkan oleh sejumlah input tertentu dinamakan sebagai _____.
- A. fungsi penawaran
 - B. fungsi kos
 - C. fungsi pengeluaran
 - D. fungsi kemungkinan pengeluaran
29. Hukum pulangan menurun berlaku apabila _____.
- A. firma meningkatkan pengeluaran dengan menambahkan input berubah
 - B. firma meningkatkan pengeluaran dengan menambahkan input tetap
 - C. firma meningkatkan pengeluaran dengan mengubah lojinya
 - D. firma dapat menjalankan pengkhususan dalam pengeluaran
30. Rajah di bawah menunjukkan keluk bagi _____.



- A. kos berubah
 - B. kos tetap
 - C. kos sut
 - D. jumlah kos
31. Antara berikut, pernyataan manakah **TIDAK BENAR** tentang perbandingan antara pasaran persaingan sempurna dan pasaran monopoli?
- A. Harga pasaran persaingan sempurna lebih rendah berbanding pasaran monopoli.
 - B. Lebihan pengguna dalam pasaran persaingan sempurna lebih besar berbanding pasaran monopoli.
 - C. Pasaran persaingan sempurna mengeluarkan output dengan lebih cekap berbanding pasaran monopoli.
 - D. Peruntukan sumber dalam pasaran persaingan sempurna lebih cekap berbanding monopoli.
32. Antara berikut, manakah **TIDAK BENAR** tentang teori pengeluaran jangka panjang?
- A. Firma mempunyai masa yang cukup untuk mengubah atau menambah kuantiti input.
 - B. Semua input adalah kos tetap.
 - C. Firma dapat merancang dan menentukan saiz loji yang dapat meminimumkan kos.
 - D. Kos pengeluaran paling minimum pada suatu tingkat output dapat dicapai.
33. Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran terhadap suatu barang



Jika keanjalan penawaran adalah 0.5, berapakah nilai X apabila harga barang tersebut meningkat?

- A. 25 unit
- B. 30 unit
- C. 35 unit
- D. 40 unit


34. Jadual di bawah menunjukkan kuantiti diminta terhadap barang X dan barang Y pada pelbagai tingkat harga barang X.

Harga barang X (RM)	Kuantiti diminta X (unit)	Kuantiti diminta Y (unit)
3.00	20	15
4.00	18	12
5.00	16	9
6.00	14	6

Berapakah nilai keanjalan silang apabila harga barang X meningkat daripada RM3.00 kepada RM4.00, dan apakah kaitan antara barang X dan barang Y?

- A. - 0.6 dan barang penggenap
- B. - 0.33 dan barang penggenap
- C. 1.67 dan barang pengganti
- D. 3.33 dan barang pengganti

35. Rajah di bawah menunjukkan garisan belanjawan seorang pengguna yang mempunyai pendapatan RM300 seminggu.



Jika pengguna mahu menambah penggunaan satu lagi unit barang X, maka kuantiti barang Y yang mesti dilepaskan adalah_____.

- A. 15 unit
- B. 10 unit
- C. 1.5 unit
- D. 0.67 unit

36. Antara berikut, manakah **BENAR** tentang keanjalan permintaan?

- i. Keanjalan permintaan akan mempengaruhi kecerunan keluk permintaan.
- ii. Keanjalan permintaan menunjukkan perubahan kuantiti diminta apabila penentu permintaan berubah.
- iii. Keanjalan permintaan diukur dalam bentuk skala.
- iv. Keanjalan permintaan sentiasa menunjukkan nilai negatif.

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

37. Jika keanjalan silang bagi barang X dan Y adalah kosong, ini menunjukkan_____.

- A. hubungan X dan Y adalah barang pengganti
- B. hubungan X dan Y adalah barang penggenap
- C. hubungan X dan Y adalah barang bebas
- D. hubungan X dan Y adalah barang awam

38. Antara berikut, andaian manakah membezakan pasaran persaingan sempurna dan pasaran persaingan tulen?

- A. Keluaran barangan adalah sama.
- B. Penjual dan pembeli tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi harga di pasaran.
- C. Penjual dan pembeli mempunyai pengetahuan yang sempurna tentang pasaran
- D. Firma mudah untuk keluar-masuk pasaran.

39. Antara berikut, manakah contoh input pengeluaran yang membentuk keluk isokuan linear?

- A. Janakuasa elektrik dan gas asli.
- B. Pemandu dan jentera pembajak sawah.
- C. Pekerja A dan B.
- D. Buruh dan mesin berteknologi tinggi.

40. Ikan kering merupakan contoh_____.
- A. Barang keperluan
 - B. Barang mewah
 - C. Barang bawahan
 - D. Barang penggenap

BAHAGIAN B (WAJIB) [30 markah]

1. Jadual di bawah menunjukkan kuantiti barang dan jumlah utiliti (TU) bagi barang X dan Y. Harga barang X adalah RM 4, harga barang Y adalah RM 5 dan jumlah pendapatan yang boleh dibelanjakan adalah RM 22.

kuantiti	TU _X	TU _Y
1	23	18
2	57	55
3	77	68
4	89	78
5	102	92

- (a) Bina satu jadual yang menunjukkan utiliti marginal bagi setiap barang X dan barang Y. (Salin jadual untuk marginal tersebut di atas kertas jawapan anda).
(5 markah)
- (b) Kira kombinasi kuantiti barang X dan Y yang dapat dibeli bagi memaksimumkan utiliti.
(4 markah)

2. Jadual di bawah menunjukkan kuantiti permintaan dan penawaran mengikut tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawarkan (unit)
10	960	600
20	920	800
30		
40		
50		
60		

- (a) Tentukan fungsi permintaan bagi jadual ini. (3 markah)
- (b) Tentukan fungsi penawaran bagi jadual ini. (3 markah)
- (c) Apakah tingkat harga yang menghasilkan lebih penawaran sebanyak 600 unit? (4 markah)
- (d) Berapakah harga dan kuantiti keseimbangan bagi jadual ini? (4 markah)
3. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara tingkat keluaran dan jumlah kos sebuah firma persaingan sempurna.

Tingkat keluaran (unit)	Jumlah kos (RM)
0	20
1	50
2	70
3	80
4	100
5	130
6	180
7	245
8	320

- (a) Berapakah kos tetap? (1 markah)
- (b) Hitung kos berubah purata setiap tingkat keluaran (4 markah)
- (c) Jika harga barang ialah RM 22 seunit. Nyatakan tingkat keluaran yang merupakan titik henti pengeluaran. (2 markah)

BAHAGIAN C [30 markah]
(Pilih DUA (2) soalan sahaja)

1. Bagaimanakah firma monopoli boleh wujud dalam sesebuah ekonomi? Jelaskan. (15 markah)
2. Adakah firma dalam pasaran persaingan sempurna yang mengalami kerugian perlu menghentikan operasinya? Bincangkan. (15 markah)
3. Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi keanjalan harga. (15 markah)